

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/9.2017

“The Security End-Point Solution Enterprise Agreement for the Government of Brunei”

Syarat-Syarat Tawaran:

1. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai Tawaran ini hendaklah memenuhi keperluan kuadran ‘*Highly Specialized*’ dan ‘*High Volume*’ di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx
2. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah **\$500.00** dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah **\$5.00** dari:

**SEKSYEN KEWANGAN, DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN
PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
SIMPANG 69-18, JALAN E-KERAJAAN
GADONG BE1110
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap hari **Isnin hingga hari Khamis** dari jam **8.00 pagi hingga jam 11.00 pagi** sahaja.

3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:-

BILANGAN TAWARAN: EGNC/PM/4.1/9.2017

“The Security End-Point Solution Enterprise Agreement for the Government of Brunei”

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada:-

**PENGERUSI LEMBAGA TAWARAN KECIL
JABATAN PERDANA MENTERI
JALAN MENTERI BESAR
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 19hb Disember 2017**

4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.
5. Sesi penerangan tawaran akan diadakan pada **hari Isnin, 27hb November 2017** bertempat di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan, Gadong BE1110 pada jam **9.30 pagi**.
6. Syarikat yang berminat untuk menghadiri sesi penerangan berkenaan hendaklah menghadapkan tiga (3) orang nama wakil kepada Jabatan ini melalui e-mel cm@egc.gov.bn atau melalui nombor Fax: (673) 2424940
7. Bagi sebarang pertanyaan berhubung dengan sesi penerangan tersebut bolehlah menghubungi ke Jabatan ini melalui talian telefon: (673) 2424955 sambungan 139 atau e-mel cm@egc.gov.bn